

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

443 110 sheet
m/s 1-3

Soalan 13 – 16 berdasarkan bahan di bawah.

Akhirnya, setelah menjalankan kajian demi kajian, aku mula menemukan kebenaran tentang tapai ubi dan hubungannya dengan pencegahan kanser. Proses penapaian ubi akan menghasilkan sejenis bahan yang dikenali sebagai *bakteriosin*. Bahan ini dihasilkan oleh sejenis bakteria asid laktik yang dipencil atau diasingkan daripada tapai ubi atau nama saintifiknya *manihot esculanta*. Kalau kukatakan pada emak dan bapa nama saintifik tapai ubi itu pasti kedua-dua orang tua itu terlopong besar. Mereka hanya tahu membuat dan menjual tapai ubi, tidak lebih daripada itu.

Bagiku, apabila istilah kanser terdengar di gegandang telinga, aku terbayang akan kanser payudara yang menjadi topik hangat dunia perubatan sejak akhir-akhir ini. Sering sahaja aku mendengar atau terbaca akan bahaya penyakit ini. Ramai wanita yang menderita kerananya. Malah, ada juga orang lelaki yang menderita penyakit kanser payudara. Dengarnya seperti melucukan, akan tetapi itulah hakikatnya.

Andaian awal tentang keberkesanan tapai ubi dalam mencegah penyakit kanser mendesak aku untuk menelusuri segala-galanya tentang penyakit ini. Aku mula berminat dengan bahan-bahan bacaan tentang penyakit kanser. Tidak cukup dengan itu aku melayari laman-laman web untuk mengetahui kedudukan penyakit kanser dalam dunia perubatan. Minat dan tumpuanku kini tidak lain lagi, selain merealisasikan suatu penemuan yang besar, yang dinanti-nantikan selama ini.

Dipetik daripada cerpen 'Legasi Tapai Ubi',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

13. Apakah kelebihan tapai ubi dalam dunia perubatan?

- A Tapai ubi menghasilkan bakteria.
- B Tapai ubi mencegah penyakit kanser.
- C Tapai ubi dapat memulihkan penyakit kanser.
- D Tapai ubi baik untuk kesihatan lelaki.

14. Yang berikut merupakan perwatakan "aku", **kecuali**

- A bijak.
- B gigih.
- C prihatin.
- D teliti.

"Aku" melayari laman-laman web untuk mengetahui kedudukan penyakit kanser dalam dunia perubatan.

15. Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah

- A seperti tikus jatuh ke beras.
- B bagai melepaskan batuk di tangga.
- C melentur buluh biar dari rebungunya.
- D belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang.

16. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan cerpen di atas?

- A Ibu bapa "aku" mengusahakan tapai ubi.
- B "Aku" menghidap penyakit kanser.
- C Penyakit kanser hanya dihidapi oleh wanita sahaja.
- D "Aku" merupakan seorang pensyarah di pusat pengajian tinggi.

1. Dalam iklan di bawah, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **tiga** kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

Kempen Cegah Kemurungan**Kenali kemurungan:**

- Kemurungan ialah penyakit dan bukannya kelemahan individu.
- Pesakit akan mengalami kesedihan yang berpanjangan.
- Pesakit hilang minat terhadap aktiviti yang digemarinya.
- Tekanan perasaan akan menyebabkan kemurungan menjadi lebih teruk.
- Kemurungan boleh dirawat.

Cara mengatasi kemurungan:

- Dapatkan bantuan daripada kaunselar atau pegawai perubatan.
- Menceritakan masaalah dengan keluarga atau sahabat karib.
- Amalkan gaya hidup sihat seperti bersenam dan makan makanan yang seimbang dan berkhasiat.
- Lakukan aktiviti riadah yang disukai bersama keluarga dan rakan-rakan.

(i) _____

(iii) _____

(ii) _____

2. Baca bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Entah siapa yang menjerit. Akan tetapi Beluntung diam sahaja! Tidak lama kemudian gurunya muncul. Beluntung berdiri dan bertanya, "Kenapa kerbau suka makan garam?"

"Hisyy ..., asyik tanya saja," bisik budak gemuk dan pendek di sebelah Beluntung. Apabila dia memandang, budak itu cepat-cepat menunjukkan penumbuk dan bersedia untuk bertumbuk.

Beluntung diam sahaja. Buat apa bertumbuk, fikir Beluntung. Kalau mahu lawan, lawanlah siapa dapat markah tinggi? Siapa dapat nombor satu dalam kelas? Kenapa orang benci aku? tanyanya dalam hati. Orang bilang aku bau kerbau. Memanglah, tapi apa boleh buat. Kalau aku tidak naik kerbau, aku tidak boleh datang ke sekolah. Jalan berlumpur. Hanya kerbau sahaja yang boleh berjalan pantas meredah lumpur.

Dipetik daripada cerpen 'Bawod',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Pagi itu, nyatalah sudah yang Chot hilang. Chot mungkin sudah lari ke hutan. Chot mungkin dicuri orang. Chot mungkin mati ditakik orang.

"Kalau Chot tidak ada, bagaimana mahu mengambil upah memetik buah kelapa?" fikirnya. Siapakah yang akan membiayainya ke sekolah?

Akhirnya, ketika matahari sudah naik tinggi segala, ketika cahaya menyimbah di merata-rata, Alias berjalan kalut-kalut menuju ke sekolah. Alias pasrah dengan apa yang akan terjadi. Dia sanggup dimarahi Cikgu Sunan.

Dipetik daripada novel, *Chot*
karya Azizi bin Haji Abdullah, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (a) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan persamaan antara watak Beluntung dengan Alias?

- (b) Nyatakan **dua** nilai yang sama yang terdapat dalam kedua-dua bahan tersebut.

- (c) Walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan, kita tidak boleh cepat berputus asa dalam menuntut ilmu.

Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menuntut ilmu? **KBAT** Menilai **HEBAT MODUL 2**

3. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) *Chot* karya Azizi Bin Haji Abdullah
- (ii) *Hempasan Ombak* karya Zailiani Taslim
- (iii) *Justeru Impian di Jaring* karya Zaid Akhtar
- (iv) *Tawanan Komander Caucasus* karya RuzainiYahya

Sudut Sastera

- Tema ialah persoalan utama dalam sesebuah karya, manakala persoalan merupakan perkara-perkara kecil yang berhubungan dengan tema.

Setiap karya sastera yang dihasilkan oleh pengarang mempunyai tema dan persoalannya.

Berdasarkan sebuah novel di atas, nyatakan tema dan **dua** persoalan yang terdapat dalam novel tersebut berserta dengan contoh peristiwa yang sesuai.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang gejala dan kesan-kesan negatif nomofobia. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Semasa pandemik COVID-19, penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah membawa perubahan drastik dalam kehidupan seharian rakyat yang sekali gus membuka tirai norma baharu yang berfokuskan era digital. Murid-murid menjalani pembelajaran maya menerusi kelas dalam talian dan warga pendidik dedikasi untuk mempelajari pelbagai aplikasi untuk tujuan itu.

Implikasinya, pengguna peranti elektronik lebih terdedah kepada kemelut ketagihan alam digital yang boleh menjurus kepada nomofobia. Nomofobia ialah perasaan takut apabila seseorang tidak mempunyai telefon pintar dalam genggamannya. Gejala nomofobia merangkumi peningkatan kadar degupan jantung dan tekanan darah, keresahan, kemurungan, berasa mual, kurang selesa, ketakutan, serta panik. Gejala ini tidak harus dipandang ringan khususnya dalam norma baharu budaya digital ini.

Hakikatnya, gejala nomofobia berupaya menjejaskan kesihatan berikutan wujudnya kecelaruan emosi, gangguan kitaran tidur, stres serta hormon kortisol akan dirembeskan dalam tubuh yang menyebabkan meningkatnya selera makan dan kenaikan berat badan. Justeru, strategi proaktif perlu dipraktikkan sebelum Malaysia terjerumus ke dalam belenggu nomofobia. Pengawasan masa untuk penggunaan telefon pintar dalam melayari Internet dan permainan video sewajarnya diamalkan secara bersepadu.

Sesungguhnya, dengan pengawalan sebegini, masa melayari Internet mampu dikurangkan. Penggunaan telefon pintar yang melampau sebagai pemacu gejala nomofobia mampu dihapuskan.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Malaysia Perlu Strategi Proaktif Elak Belenggu Nomofobia',
Berita Harian Online, Disember 2020